



## 3 ditahan kes samun dan bunuh warga emas

Oleh **Asrol Awang** - Julai 7, 2022 @ 5:32pm

[bhnews@bh.com.my](mailto:bhnews@bh.com.my)



KUANTAN: Tiga lelaki berusia dalam lingkungan 30-an ditahan hari ini, kerana **dipercayai terbabit kes bunuh** di FELDA Mengkuang, Bera, kelmarin.

Timbalan Ketua Polis Pahang, Datuk Mohd Yusri Hassan Basri, berkata pihaknya turut merampas sebuah kereta jenis Honda City yang dipercayai milik suami mangsa yang dibunuh.

"Tiga individu terbabit ditahan reman selama tujuh hari mulai hari ini untuk membantu siasatan," katanya dalam satu kenyataan media, hari ini.

Kelmarin, seorang wanita berusia 52 tahun maut dipercayai dijerut dalam kejadian samun di sebuah rumah di FELDA Mengkuang.

Suspek dikatakan memasuki rumah terbabit pada awal pagi melalui pintu belakang sebelum ke bilik tidur mangsa.

Mangsa dipercayai dijerut dengan kabel pengecas telefon manakala suami mangsa berusia 60 tahun turut cedera di bahagian kepala.

Suspek dikatakan melarikan wang tunai kira-kira RM6,000 dan kereta jenis Honda City milik suami mangsa.